

26/02/1999

Tidak perlu pemerhati (HL)

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Khamis - Pemerhati antarabangsa tidak perlu dijemput untuk mengawasi perjalanan pilihan raya Sabah kesembilan pada 12 dan 13 Mac ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia selama ini, termasuk di Sabah, berjalan dengan baik serta mematuhi amalan demokrasi.

"Kita dah berkali-kali mengadakan pilihan raya, bukan sekali. Semuanya berjalan dengan baik dan adil.

"Pilihan raya kali ini akan dijalankan dalam suasana baik dan mengikut proses demokrasi yang ditetapkan serta adil kepada semua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Sekolah Menengah Malaysia ke-38 di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam dan Datuk Tham Nyip Shen; serta Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Dr Hasbollah Mohd Taha.

Beliau mengulas kenyataan pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang meminta Kerajaan Pusat membenarkan pemerhati antarabangsa mengawasi dan memeriksa pelaksanaan pilihan raya Sabah kali ini.

Pairin berkata, tindakan itu perlu bagi memastikan pilihan raya dijalankan dengan lebih telus dan meyakinkan rakyat negeri ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri memberi jaminan, polis turut memastikan pilihan raya kali ini berlangsung dengan baik.

"Tanggungjawab polis akan lebih mudah jika semua pihak mematuhi peraturan dan tidak menimbulkan masalah ketika memancing undi," katanya.

Sementara itu, pengagihan kerusi di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya kali ini, sudah dipersetujui semalam.

Peretujuan itu dicapai pada pertemuan pemimpin parti komponen BN Sabah dengan Pengerusi BN Pusat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur semalam.

Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok, ketika ditemui setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu malam ini, mengesahkan persetujuan sebulat suara sudah disepakati oleh parti komponen.

"Pada umumnya semua pihak gembira dengan pengagihan itu," katanya tetapi bagaimanapun enggan menyatakan formula agihan itu kerana ia akan diumumkan Isnin ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, ketika ditemui turut mengesahkan pembahagian kerusi di kalangan parti komponen sudah diputuskan selepas perbincangan dengan Perdana Menteri semalam.

Sehubungan itu, katanya, Umno Sabah akan memberi perhatian kepada pemilihan calon bagi pilihan raya berkenaan.

"Bagi pemilihan calon Umno, satu mesyuarat dengan Dr Mahathir akan diadakan untuk memutuskan calon yang layak bertanding bagi mewakili BN," katanya.

Beliau berkata, Umno Sabah sudah menasihati pemimpin serta ahlinya supaya menerima dan mematuhi arahan pucuk pimpinan berhubung pemilihan calon dan pembahagian kerusi pilihan raya.

Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat pula, ketika ditemui setibanya dari Kuala Lumpur, turut mengesahkan soal pengagihan kerusi sudah diputuskan.

Sambil mengesahkan beliau sendiri akan bertanding di DUN Kudat, Chong berkata agihan kerusi lain diserahkan kepada Dompok untuk mengumumkannya.

"Secara keseluruhan, saya yakin BN akan menang dengan majoriti besar dan

saya sendiri akan capai kejayaan di Kudat," katanya.
(END)